



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Institut
Kualiti dan
Pengembangan
Ilmu



INSTITUTE OF QUALITY
AND KNOWLEDGE
ADVANCEMENT

<http://inqka.uitm.edu.my>

LAPORAN TAHUNAN InQKA

2020



@inqkautm



LAPORAN TAHUNAN InQKA

2020



LAPORAN TAHUNAN InQKA

2020

Penasihat

- YBhg. Profesor Dr. Hajah Roziah Mohd Janor
Penolong Naib Canselor, InQKA

Penulis

- Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nik Rosli Abdullah
Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi
- Prof. Madya Dr. Azizah Abdullah
Pengarah Jaminan Kualiti Dalamam
- Ir. Dr. Amirul Abd Rashid
Ketua Pencapaian dan Penarafan
- Ts. Dr. Hayati Abd Rahman
Ketua Komunikasi dan Pengembangan Ilmu
- Pn. Siti Norul'ain Mohd Azizi
Ketua Pentadbiran
- Dr. Shatina Saad
Koordinator Inovasi dan Kreativiti

Suntingan/Pereka Grafik

- Pn. Noor Sazila Md Sarip
Penolong Pegawai Penerbitan
- En. Muhamad Zanjabil Mat Janum
Pembantu Penerbitan Kanan



ISSN 2600 - 9528



9 772600 952003

ISI KANDUNGAN

Pengenalan.....7

Objektif.....8

Fungsi.....9

Kejayaan/ Pencapaian 2020.....13

 Unit Pencapaian dan Penarafan.....14

 Unit Jaminan Kualiti Dalam.....21

 Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi.....26

 Unit Inovasi dan Penilaian Kecemerlangan.....32

 Anugerah Kualiti Naib Canselor.....59

 Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu.....65

Terbitan.....73

Lampiran.....76

PENGENALAN

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) adalah badan yang bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras program-program kualiti dan inovasi di Universiti Teknologi MARA. Inisiatif Kualiti UiTM telah bermula sejak tahun 1992 sehingga kini. Sebagai peneraju dan pengamal kualiti, InQKA menguruskan dan menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, malah di peringkat kampus negeri serta cawangan. InQKA turut memastikan pematuhan kepada piawaian akreditasi program berdasarkan Kod Amalan Audit Institusi dengan Kod Amalan Audit Institusi (*Code of Practice for Institutional Audit*, COPIA), Kod Amalan Akreditasi Program (*Code of Practice for Programme Accreditation*, COPPA) dan Pensijilan ISO 9001.

InQKA berkembang selaras dengan agenda transformasi universiti yang telah dirancang melalui Pelan Strategik UiTM 2025. Bagi memenuhi inisiatif ketampakan UiTM, InQKA menyumbang dari aspek pengurusan kualiti dengan bertindak sebagai pakar rujuk amalan dan pengukuhan kualiti institusi dalaman dan luaran. Strategi ini secara tidak langsung mampu memberi lonjakan penarafan UiTM di peringkat antarabangsa. Berikut adalah tanggung jawab berkenaan dengan pengurusan kualiti universiti iaitu Penarafan UiTM, Swaakreditasi, Kecemerlangan Operasi, Penilaian Luar *Integrated Quality Management System* (iQMS), Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC), Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Pensijilan ISO 9001:2015.

InQKA bertindak sebagai penyelaras utama Audit Pensijilan ISO 9001:2015 di peringkat korporat oleh badan pensijilan *Lloyd's Register* serta berperanan melaksanakan anugerah dan pengiktirafan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pengurusan kualiti di PTJ turut dipantau melalui Penilaian Luar iQMS yang dilaksanakan oleh Panel Penilai iQMS UiTM yang berkelayakan. Sejurus mendapat status sebagai Swaakreditasi, InQKA secara berterusan memastikan penawaran program universiti mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Selain itu, InQKA juga menyasarkan penambahbaikan proses di peringkat operasi bagi seluruh sistem UiTM melalui projek Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi dan peningkatan terhadap reputasi UiTM menerusi inisiatif penarafan universiti seperti *QS World University Ranking* dan *Times Higher Education* (THE).

OBJEKTIF

Berikut adalah objektif InQKA:

- i. Menjadikan InQKA sebagai pusat runding cara kualiti setempat bagi Pusat Tanggungjawab;
- ii. Memupuk budaya inovasi dan menghasilkan produk dan penerbitan ilmiah dari projek-projek kumpulan inovatif dan kreatif;
- iii. Mengurus data strategik untuk meningkatkan penarafan UiTM dalam *QS World University Rankings*, *Times Higher Education (THE)*, *World University Rankings* dan SETARA;
- iv. Memperkasakan Penilaian Kendiri setiap Pusat Tanggungjawab berpandukan Sistem Pengurusan Kualiti Bersepadu (*Integrated Quality Management System, iQMS*) untuk memenuhi keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan profesional yang di iktiraf;
- v. Memupuk budaya kualiti cemerlang dalam semua aspek organisasi UiTM;
- vi. Mampu berperanan sebagai hab kualiti yang mantap serta diyakini;
- vii. Menghasilkan bahan informatif, bermutu tinggi dan bertahap profesional ke arah pencapaian matlamat kualiti InQKA;
- viii. Menjadikan laman web dan media sosial InQKA sebagai medium dan wadah dalam meningkatkan kefahaman warga UiTM mengenai pengurusan kualiti cemerlang.

FUNGSI

InQKA mempunyai enam unit. Jadual 1 menunjukkan fungsi bagi setiap unit di InQKA.

Jadual 1: Fungsi bagi setiap unit di InQKA

UNIT	FUNGSI
Jaminan Kualiti Dalaman	• Menyelaras dan mengurus Penilaian Pengiktirafan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh Program, Semakan Kurikulum > 30% dan Program Profesional, Pertambahan atau Perubahan Lokasi, Pengiktirafan Semula Program • Menguruskan penyenggaraan program akademik dalam MQR • Penilaian Lokasi Penawaran Program Pesisir • Pengurusan Audit Pematuhan Semula Program Akademik • Pengekalan Status Swa Akreditasi Universiti • Mengurus Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)
Inovasi dan Penilaian Kecemerlangan	• Mengurus pelaksanaan dasar dan garis panduan • Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti inovasi dan kreativiti samada dalam atau luar UiTM • Menyelaras pengurusan belanjawan aktiviti KIK • Menyelaras konvensyen KIK • Menyelaras hasil projek inovasi & kreativiti • Mewujudkan jaringan dengan agensi luar yang berkaitan • Menyelaras pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK) • Pengurusan Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)

Pencapaian dan Penarafan	• Menggerakkan inisiatif penarafan seluruh sistem • Mengurus proses verifikasi pencapaian dan penarafan • Mengurus proses pemantauan pencapaian dan penarafan • Mengurus SETARA, dan data penarafan QS, THE, THE University Impact, QS STARS, UIGM, WEBOMETRIC dan mana-mana penarafan berkaitan • Mengurus inisiatif penjenamaan dan ketampakan universiti • Merangka strategi berdasarkan analisa QS
Komunikasi dan Pengembangan Ilmu	• Mengurus penerbitan bercetak dan digital • Mengurus dan menyelenggara Laman Web dan Media Sosial InQKA • Mengurus acara dan pembudayaan kualiti • Mengurus permohonan pendaftaran ISBN dan ISSN, InQKA • Menyedia Laporan Tahunan Jabatan/ InQKA • Mengemaskini Self Review Portfolio UiTM

Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi

- Memastikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UiTM mantap dan mampan
- Memantau pelaksanaan Dasar Kualiti Universiti
- Menyelaras SPK PTJ dan pengendalian Audit Dalam iQMS PTJ (SePADU)
- Mengurus SPK Korporat UiTM
- Mengurus Pensijilan ISO 9001 Korporat
- Merancang, menyelaras dan mengurus Penilaian Kendiri PTJ Akademik iQMS (COPIA dan ISO9001)
- Menyelaras pengurusan Mesyuarat JPK, JKSP dan MKSP
- Merancang pendekatan sistem kualiti berintegrasi
- Menyelia pelaksanaan pendekatan sistem kualiti berintegrasi
- Menganalisa tahap kecekapan operasi peringkat eksekutif
- Menyelaras usaha pelaksanaan sistem kualiti berintegrasi
- Menyemak laporan pencapaian sistem kualiti dan kecekapan operasi
- Memantau inisiatif penambahbaikan proses

**Pentadbiran, ICT dan
Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)**

Anugerah Kualiti Naib Canselor

- Mengurus dan menyelaras anugerah kecemerlangan
- Merancang sesi penilaian anugerah kecemerlangan
- Mengurus pembentangan akhir anugerah kecemerlangan
- Mengurus kaji selidik AKNC

Pengurusan Penyelidikan & ICT

- Mengurus penyelidikan institusi yang melibatkan InQKA
- Mengurus kaji selidik aktiviti InQKA
- Mengurus sistem teknologi maklumat
- Mengurus keperluan ICT

Pentadbiran Am

- Mengurus hal ehwal pengurusan dan pembangunan sumber manusia InQKA
- Mengurus hal ehwal kewangan dan perbelanjaan InQKA
- Mengurus hal ehwal harta benda, rekod dan fail InQKA
- Mengurus Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) InQKA
- Menjadi sekretariat kepada Mesyuarat Jabatan InQKA, Mesyuarat Pengurusan InQKA dan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU)

KEJAYAAN/ PENCAPAIAN 2020

Seluruh dunia dilanda pandemik COVID-19 hampir sepanjang tahun 2020. Sehubungan dengan ini banyak norma baharu yang menuntut semua aktiviti fizikal terpaksa dihadkan dan perlu mengikut *Standard of Procedure* yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, pihak InQKA tidak menganggap COVID-19 sebagai satu halangan untuk meneruskan dan menjalankan aktiviti yang telah dirancang untuk tahun 2020. Pelaksanaan mesyuarat, latihan, kursus, bengkel dan sesi auditan masih tetap berjalan seperti yang dirancang.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 61 program telah dijalankan dalam bentuk samada bersemuka dan juga secara dalam talian. Penambahbaikan aktiviti audit secara hibrid juga telah dilaksanakan dalam memastikan supaya proses berkaitan tidak akan terjejas. Ini terbukti apabila 3867 peserta InQKA memberi kajian kepuasan hati sebanyak 98.4%. InQKA menyaksikan seramai 6844 peserta menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh InQKA. Manakala *Net Promoter Score* (NPS) pula adalah 51 dan skor ini dikategorikan sebagai skor cemerlang.

Rajah 1 menunjukkan laporan Kepuasan Hati Pelanggan terhadap aktiviti yang telah dijalankan oleh InQKA sepanjang tahun 2020. Aktiviti yang telah dijalankan adalah secara bersemuka dan juga secara dalam talian.



Rajah 1: Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Aktiviti Anjuran InQKA Bagi Tahun 2020

UNIT PENCAPAIAN DAN PENARAFAN

Unit Pencapaian dan Penarafan, InQKA merupakan bahagian yang diberi mandat untuk menguruskan perkara-perkara berkaitan penarafan universiti bermula dari proses pengumpulan, pemurnian data dan seterusnya memuat naik data ke badan-badan penarafan mengikut keperluan indikator yang telah ditetapkan oleh setiap badan penarafan. Badan-badan penarafan yang dimaksudkan adalah penarafan di peringkat antarabangsa seperti QS (*QS World University Ranking*, *QS Asian University Ranking*, *QS Graduate Employability Rankings*, *World University Ranking by Subject*) dan *Times Higher Education* (*THE World University Ranking*, *THE World University Ranking by Subject*). Manakala penarafan di peringkat nasional pula adalah Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA).

Bermula pada tahun 2019, UiTM juga telah menyertai penarafan yang mengukur secara khusus perancangan dan komitmen universiti terhadap agenda kelestarian iaitu THE University Impact Ranking dan UI Green Metric. Dalam masa yang sama, pihak pengurusan Universiti telah meletakkan agenda penarafan sebagai antara Petunjuk Prestasi utama dalam Pelan Strategik UiTM2025 dengan mensasarkan 6 bintang penarafan SETARA, TOP 300 untuk QS WUR, 2 subjek Top 100 dan 20 subjek tersenarai dalam QS by Subject Rankings menjelang tahun 2025.

PENCAPAIAN PENARAFAN

Mengambil kira situasi pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini, secara keseluruhannya, pencapaian penarafan UiTM untuk tahun 2020 adalah pada tahap yang amat baik. Jadual 2 menunjukkan pencapaian penarafan UiTM untuk tahun 2016 sehingga tahun 2020. Pencapaian yang terserlah dapat dilihat pada subjek Hospitality & Leisure Management yang tersenarai di kedudukan ke-31 dunia dalam penarafan QS by Subject. Manakala bagi penarafan QS Asia University Rankings, UiTM menghampiri kedudukan 100 terbaik Asia dengan berada di kedudukan 108 pada tahun ini berbanding 119 pada tahun 2019.

Jadual 2: Pencapaian Penarafan UiTM tahun 2016-2020

Penarafan	2020	2019	2018	2017	2016
QS World	651-700	651-700	751-800	751+	701+
QS Asia	108	119	137	158	181
QS by Subject-Rank	11 Subjects	9 Subjects	12 Subjects	13 Subjects	5 Subjects
QS by Subject-Top 100	1	-	-	-	-

THE WUR	1001+	1001+	1001+	-	800+
THE by Subject	8 Subjects	8 Subjects	8 Subjects	-	-
THE Impact Ranking	401-600	-	-	-	-
UI GREEN METRIC	184	183	-	-	-
SETARA	5 STAR	-	-	5 STAR	-

UiTM juga yang pertama kalinya telah menghantar data untuk menyertai *THE University Impact Ranking* dan telah berjaya tersenarai pada kedudukan 401-600 dari keseluruhan 766 universiti dari 85 buah negara yang menyertai ranking ini. Pencapaian ini memberikan isyarat bahawa UiTM berpotensi untuk menyerlahkan lagi usaha berkaitan agenda *Sustainable Development Goal (SDG)* yang sememangnya sinonim dengan tanggungjawab sosial yang telah dimainkan oleh UiTM selama ini.


Walaupun beberapa penarafan lain seperti QS WUR, UI GREEN METRIC dan SETARA tidak menunjukkan peningkatan namun analisa lebih mendalam mendapati bahawa skor untuk penarafan tersebut sebenarnya meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya. Namun ianya masih belum cukup tinggi untuk mengatasi skor universiti lain yang juga telah menunjukkan peningkatan. Oleh itu, usaha untuk mengenalpasti indikator yang berpotensi serta strategi penambaan akan terus dilaksanakan sebagai usaha menaikkan lagi skor bagi memastikan keputusan yang lebih baik di masa hadapan.

AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG 2020

QS Publications Advertisement

Situasi pandemik semasa telah menyebabkan terdapatnya kekangan terhadap pelbagai penglibatan dan aktiviti fizikal. Namun, ini tidak menghalang Unit Pencapaian dan Penarafan untuk melaksanakan dan meneruskan aktiviti yang telah dirancang. Bagi memastikan ketampakan UiTM di persada antarabangsa, pihak Unit Pencapaian dan Penarafan telah memohon dan mendapatkan kebenaran dari pihak pengurusan untuk melanggan *QS Publication Advertisement* sebagai alternatif menggantikan penglibatan UiTM di persidangan-persidangan antarabangsa anjuran QS secara fizikal seperti yang dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini.

Langganan ini meliputi penghasilan satu mukasurat iklan berkaitan UiTM di dalam mana-mana bahan penerbitan oleh pihak QS seperti QS GEN, QS WUR Report, QS Asia Report dan sebagainya. Iklan yang dihasilkan antara lainnya memaparkan sumbangan dan pencapaian UiTM serta fakulti-fakulti terutamanya fakulti yang disasarkan tersenarai di dalam *QS by Subject Rankings*. Contoh langganan adalah seperti di bawah.




Rajah 2: Contoh iklan langganan berkaitan UiTM

QS APPLE Virtual Conference 2020

Sebagai salah satu pendekatan norma baharu, kebanyakan persidangan antarabangsa anjuran badan penarafan diadakan secara maya. Pada tahun 2020, Naib Canselor UiTM, Profesor Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim, telah membentangkan kertas kerja bertajuk "*Post COVID-19 Sustainable Community Development Agenda: How do we Bounce Back as a Community?*" di persidangan QS APPLE Virtual Conference 2020.

Pembentangan ini adalah berkisar mengenai inisiatif UiTM dalam membantu komuniti terutamanya komuniti orang asli dalam menghadapi situasi pasca COVID-19. Penyertaan di persidangan-persidangan seperti ini secara tidak langsung bukan sahaja meningkatkan ketampakan (*visibility*) UiTM di persada global tetapi dalam masa yang sama dapat berkongsi mengenai usaha dan inisiatif UiTM dalam membantu komuniti.



Rajah 3: Pembentangan oleh Naib Canselor UiTM di persidangan QS Apple Virtual Conference 2020 secara maya

Penerbitan QS WOWNEWS

Dalam usaha menghebahkan lagi pencapaian serta kecemerlangan warga UiTM di peringkat antarabangsa, Unit Pencapaian dan Penarafan dengan bantuan Felo Penerbitan telah menggalakkan semua warga untuk menghantar berita pendek untuk diterbitkan di dalam QS WOWNEWS. Platform yang percuma dan mendapat liputan yang meluas ini telah dikenalpasti sebagai usaha yang mampu memberikan nilai tambah dalam usaha mempelbagaikan cara untuk ketampakan UiTM di peringkat global disamping tulisan-tulisan bersifat penyelidikan yang diterbitkan di dalam jurnal-jurnal berindek.

Hasil komitmen dan kesungguhan yang tinggi, UiTM telah dianugerahkan *TOP Article 2020* bagi QS WOWNews Award untuk artikel bertajuk "*UiTM's Electrical Engineering Research on 'Enhanced Volt-Var Optimization via Artificial Intelligence' wins Gold Award at the 2019 ACEiC*" dan kejayaan ini semestinya amat membanggakan kita semua.



Rajah 4: Anugerah *Top Articles* 2020 bagi QS WOWNews


QS ADS CAMPAIGN

Untuk tahun ke-4, UiTM juga telah menyertai pertandingan *Creative Awards* di QS APPLE Virtual Conference yang telah berlangsung pada 25 - 27 November 2020. Sebanyak empat kategori

penyertaan telah disertai iaitu:

- i. *Best International Print Advertisement*
- ii. *Most Creative Corporate Institution Video*
- iii. *Best International Student Recruitment Brochure* dan
- iv. *Best International Website Page*.


Untuk edisi tahun 2020, UiTM akhirnya telah berjaya meraih anugerah Emas bagi kategori *Best International Print Advertisement*. Untuk rekod, UiTM pernah memenangi anugerah Gangsa dan Perak untuk kategori yang sama masing-masing pada tahun 2017 dan 2018.



Rajah 5: Anugerah Gangsa (2017) dan Perak (2018) yang pernah diterima oleh UiTM

Bengkel Penulisan Antarabangsa

Sebagai penutup aktiviti tahun 2020, Unit Pencapaian dan Penarafan buat pertama kalinya telah menganjurkan Bengkel Penulisan Antarabangsa dengan Chulalongkorn University, Thailand. Bengkel selama dua hari ini telah berlangsung dengan jayanya pada 3 - 4 Disember 2020 yang telah dikendalikan oleh empat orang Profesor Kehormat selaku *Resident Reviewer InQKA*, dengan penglibatan seramai 25 orang penyelidik dari HALAL Science Centre, Chulalongkorn University, Thailand. Kejayaan penganjuran bengkel ini menunjukkan kesediaan Unit Pencapaian dan Penarafan untuk mengorak langkah lebih jauh lagi dalam membantu meningkatkan ketampakan UiTM yang secara tidak langsung turut menyumbang kepada beberapa faedah lain antaranya:



Rajah 6: Paparan skrin semasa Bengkel Penulisan Antarabangsa dengan Chulalongkorn University, Thailan berlangsung

UNIT JAMINAN KUALITI DALAMAN

Unit Jaminan Kualiti Dalaman (IQA) melaksanakan proses penilaian ke atas semua program akademik UiTM yang tidak memerlukan pengiktirafan badan profesional. Proses penilaian program melibatkan penilaian dokumen dan lawatan audit ke fakulti atau kampus yang berkaitan. Program yang memerlukan pengiktirafan badan profesional akan dinilai oleh badan profesional berkaitan; sebagai contoh, program kejuruteraan dinilai dan diiktiraf oleh *Engineering Accreditation Council*.

AKREDITASI PROGRAM

Akreditasi program melibatkan dua kriteria iaitu Akreditasi Penuh dan Akreditasi Sementara. Proses pelaksanaan Akreditasi Penuh melibatkan semakan dokumen dan lawatan ke lokasi penawaran program akademik manakala Akreditasi Sementara hanya melibatkan proses penilaian dokumen. Hasil dapatan penilaian ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program.

Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program

Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) berperanan untuk meneliti laporan penilaian program yang dibentangkan oleh Ketua Panel Penilai dan mengesyorkan tahap pengiktirafan untuk diperakukan oleh Senat dan dimajukan kepada *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* untuk penyenaian di *Malaysian Qualifications Register (MQR)*. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor InQKA dan dianggotai oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal Akademik, Ketua Panel Penilai Program, Pakar Bidang, Pengarah Unit Jaminan Kualiti Dalaman dan Ketua-ketua Akreditasi Program, Unit Jaminan Kualiti Dalaman. Untuk memastikan proses perbincangan adalah telus dan berintegriti, wakil Fakulti atau Kampus Cawangan yang terlibat turut dijemput sebagai ahli turut hadir. Sepanjang tahun 2020, sebanyak sepuluh Mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) telah dijalankan.

Bagi tahun 2020, sebanyak 42 program termasuk pelaporan Audit Penilaian Pematuhan Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah dibentangkan di Mesyuarat JKPPP sepertimana di Rajah 7.



Rajah 7: Ringkasan bilangan program yang dibentangkan dalam Mesyuarat JKPPP bagi Tahun 2020

Senarai terperinci program yang telah dibentangkan sepanjang tahun 2020 di Mesyuarat JKPPP disertakan dalam Lampiran1.


Lawatan Audit Akreditasi Program (LAAP) dan Lawatan Audit Lokasi Program (LALP)

Unit IQA telah menjalankan sebanyak 24 Lawatan Audit Akreditasi Program (LAAP) dan dua Lawatan Audit Lokasi Program (LALP) sepanjang tahun 2020. Sebanyak tiga kaedah telah digunakan bagi menjalankan LAAP dan Lawatan Audit Lokasi Program sepanjang tahun 2020. Kaedah yang terlibat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 8.



Rajah 8: Kaedah Audit


Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), LAAP telah dijalankan dengan menggunakan kaedah secara dalam talian dan hibrid. Pelan Audit Lawatan Audit Akreditasi Program secara dalam talian telah disediakan bagi memudahkan sesi lawatan dijalankan. Pelan audit yang terperinci adalah seperti dalam Lampiran 2. Rajah 9 menunjukkan bilangan LAAP dan LALP yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.



Rajah 9: Bilangan LAAP dan LALP sepanjang tahun 2020

PROGRAM PESISIR

Satu seksyen baharu telah ditubuhkan di bawah Unit IQA iaitu Unit Pengendalian Program Pesisir. Unit ini adalah untuk membantu UiTM menawarkan program akademik dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi dari Luar Negara. Seorang Ketua Akreditasi Program Pesisir telah dilantik selaras dengan keperluan melaksanakan proses akreditasi ini. Sehingga bulan Disember 2020, Unit IQA telah menerima lapan program yang akan ditawarkan secara Pesisir di Mauritius. Rajah 10 menunjukkan senarai program yang terlibat.



Rajah 10: Senarai Program Akademik Pesisir

Format Dokumen Penilaian dan Pelan Audit Lawatan Akreditasi Program Pesisir telah disediakan bagi memudahcara proses penilaian. Format Dokumen Penilaian dan Pelan Audit terbabit adalah seperti di Lampiran 3.

PENYENARAIAAN PROGRAM AKADEMIK

Penyenaraian program bagi akreditasi penuh di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) bagi program baharu perlu mendapatkan akreditasi sementara yang didaftarkan di Portal Swaakreditasi (PSA). Penyenaraian adalah sangat penting memandangkan sekiranya satu program tidak disenaraikan di MQR, graduan program berkaitan berkemungkinan tidak dapat meneruskan pengajian atau bekerja.

Penyenaraian Program Di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) dan Portal Swaakreditasi (PSA)

Permohonan penyenaraian program baharu yang telah dibawa ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bermula 2017 sehingga Disember 2020 adalah sebanyak 84 program (Akreditasi Penuh: 60, Akreditasi Sementara: 24). Sehingga 24 Disember 2020, sebanyak 37 program telah disenaraikan di MQR dan 19 program di PSA. Ringkasan penyenaraian program di MQR dan PSA adalah seperti di Lampiran 5 dan 6.

Program Deemed Accredited

Penilaian Program *Deemed Accredited* melibatkan 161 program dan 615 lokasi. Sehingga bulan Disember 2020, Unit IQA telah menghantar permohonan penyenaraian Program *Deemed Accredited* ke Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) untuk penyenaraian di Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) adalah sebanyak 582 lokasi (2018: 137, 2019: 431, 2020: 14). Baki 33 lokasi akan dikemukakan kepada pihak MQA pada bulan Januari dan Februari 2021.

Ringkasan penyenaraian program *Deemed Accredited* di MQR bermula tahun 2018 sehingga bulan Disember 2020 adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Ringkasan Penyenaraian Program *Deemed Accredited* di MQR bermula 2018 sehingga Disember 2020

Bil	Jumlah	Program Deemed Accredited (Program)	Program Deemed Accredited (Lokasi)
1.	Penghantaran Dokumen	161	582
2.	Tersenarai di MQR	145 (90%)	507 (87%)
3.	Baki Belum Tersenarai	16 (10%)	75 (13%)

UNIT SISTEM KUALITI DAN KECEMERLANGAN OPERASI

Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi (SKKO) secara berterusan melaksanakan aktiviti dan proses yang berkaitan dengan pengekalan piawaian dan pengukuhan kualiti seluruh UiTM. *Surveillance Audit* 1, ISO 9001:2015 oleh pihak *Lloyd's Register* telah diadakan pada 20 – 21 Februari 2020. Pihak auditor mendapati bahawa UiTM telah menerapkan dan mengekalkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan berkesan dan disyorkan untuk meneruskan pensijilan.

Selain daripada memastikan SPK UiTM memenuhi keperluan piawaian, Unit SKKO juga memastikan fakulti, kampus dan PTJ Akademik mengamalkan pengurusan PTJ berdasarkan *Quality Assurance and Enhancement Policy* (QAEP), *Code of Practice for Institutional Audit* (COPIA) dan ISO 9001:2015. Justeru, mekanisme pelaksanaan Penilaian Luar *Integrated Quality Management System* (iQMS) digubal dengan proses pemetaan 4 kategori dalam COPIA terhadap piawaian ISO 9001:2015. Di samping itu, Unit SKKO turut menghasilkan Proses Audit ER iQMS secara dalam talian bagi mendokong penghasilan proses kerja digital UiTM.

KECEMERLANGAN OPERASI UiTM

Objektif utama pembudayaan amalan kecemerlangan operasi adalah untuk memastikan pengurusan universiti berada di tahap yang terbaik, cekap dan berkesan. Pengurusan yang efisien dan efektif mampu menyumbang kepada penjimatan dalam pelbagai aspek seperti kos, masa, sumber tenaga kerja dan peningkatan kadar kepuasan hati pelanggan. Pelbagai impak positif yang diraih melalui pelaksanaan aktiviti Kecemerlangan Operasi di seluruh UiTM.

Pada tahun 2019, penjimatan sumber kewangan sebanyak RM741,068.32 telah dihasilkan melalui penambahbaikan proses kerja dan penerimaan pakai proses kerja baharu. Secara keseluruhannya sebanyak 2,147 jam masa kerja dapat dikurangkan dan 280 sumber tenaga kerja dapat dijimatkan. Secara purata, tahap perbezaan kepuasan hati pelanggan juga meningkat kepada 65.60% berbanding 18.78% pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, penjimatan yang dihasilkan melalui Kecemerlangan Operasi bermula tahun 2017 hingga 2019 adalah kos sebanyak RM11,018,428.27, 369 orang sumber manusia, 817 hari dan peningkatan purata perbezaan kepuasan hati pelanggan adalah 38.2%.

Simposium Kecemerlangan Operasi UiTM 2020 yang bertemakan "Operasi Cemerlang, Prestasi Gemilang, Universiti Terbilang" telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama UiTM Cawangan Selangor pada 4 Februari 2020 dengan kehadiran peserta seramai 250 orang. Proses kerja yang telah dinilai dari aspek hasil penambahbaikan, kadar penjimatan dan peningkatan kepuasan hati pelanggan telah dikenalpasti dan menerima anugerah berdasarkan kategori yang telah ditetapkan.

Jadual 4: Menunjukkan senarai pemenang yang telah menerima anugerah Kecemerlangan Operasi 2020.

Jadual 4: Senarai Pemenang Kecemerlangan Operasi UiTM 2020

Kategori Pengurusan Akademik	
Juara	Prosedur Promosi - Fakulti Kejuruteraan Awam
Tempat Kedua	Semakan Lokasi Peperiksaan dan Nombor Meja - UiTM Cawangan Perak
Tempat Ketiga	Prosedur Pengurusan Markah dan Keputusan Peperiksaan Akhir - Fakulti Kejuruteraan Awam
Kategori Pentadbiran	
Juara	FBM-Student Activity Information System (SAIS) - Fakulti Pengurusan Dan Perniagaan
Tempat Kedua	Scout (Smart Campus One Ultimate Touch) - UiTM Cawangan Selangor
Tempat Ketiga	FBM - Human Resource Information System (HRIS) - Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Juara Keseluruhan	Prosedur Promosi - Fakulti Kejuruteraan Awam



Rajah 11: Simposium Kecemerlangan Operasi UiTM 2020 yang dilaksanakan bersama UiTM Cawangan Selangor pada 4 Februari 2020

Sistem Online Process Improvement Register (OPIR 2.0) telah dibangunkan sebagai platform untuk merekod senarai proses kerja yang terdapat di seluruh UiTM serta penambahbaikan proses kerja yang telah dilaksanakan oleh PTJ. Sehingga tahun 2020, sebanyak 2,779 proses kerja telah direkodkan dan 610 proses kerja telah dibuat penambahbaikan oleh 62 PTJ. Dengan kerjasama Jurulatih Kecemerlangan Operasi/OE Trainer sebanyak 327 proses kerja telah dikenalpasti sebagai proses kerja digital.

Kecemerlangan Operasi juga merujuk kepada lima hasil penambahbaikan iaitu:

1. Kepuasan Pelanggan
2. Prestasi PTJ
3. Penjimatan Masa
4. Penjimatan Kos
5. Penjimatan Sumber

AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2020

Jadual 5 menunjukkan senarai aktiviti dan program yang dijalankan oleh unit SKKO.

Jadual 5: Senarai Aktiviti dan Program Unit SKKO

Bil	Aktiviti	Tarikh	Jumlah Peserta
1.	Awareness to ISO 9001:2015 Memberi kesedaran kepentingan pengurusan kualiti dan penerangan klausa ISO 9001:2015 secara terperinci untuk dilaksanakan di seluruh sistem UiTM.	Siri I pada 28 April 2020	55
		Siri II pada 12 Mei 2020	262
		Siri III pada 18 Mei 2020	320
		Siri IV pada 14 Julai 2020	517
2.	Kursus <i>Integrated Quality Management System</i> (iQMS) Memperkenalkan iQMS kepada warga UiTM untuk dijadikan panduan dan amalan dalam pengurusan kualiti PTJ masing-masing. Ianya melibatkan pematuhan ISO 9001:2015, COPIA dan Polisi Jaminan Pengukuhan Kualiti.	11 - 12 Februari 2020	40
		27 - 28 Februari 2020	24
3.	Sesi Taklimat Pelaksanaan Penilaian Luar <i>Integrated Quality Management System</i> (iQMS) secara dalam talian bersama Panel Penilai	8 Mei 2020	68
		9 September 2020	53

4.	Taklimat <i>e-Document for Teaching and Learning Filing & Auditing</i>	11 Ogos 2020	380
5.	Audit Dalam Korporat Melaksanakan Audit Dalam terhadap 18 PTJ di bawah pensijilan ISO 9001:2015 Skop Pengurusan Korporat Universiti Awam.	30 November – 1 Disember 2020	18 (PTJ)
6.	Simposium Kecemerlangan Operasi Memberi pengiktirafan kepada pengamal Kecemerlangan Operasi UiTM dan menyediakan landasan perbincangan bagi memantapkan keberkesanan penambahbaikan proses kerja di seluruh sistem UiTM.	4 Februari 2020	250
7.	Bedah Siasat OE Memberi maklumbalas terkini berkaitan pelaksanaan Kecemerlangan Operasi untuk panduan dan tindakan	22 April 2020	120
8.	Latihan Penggunaan Sistem <i>Online Process Improvement Register</i> (OPIR 2.0) Menjalankan latihan secara praktikal berkaitan penggunaan OPIR2.0.	5 Mei 2020	68
9.	Kursus Kecemerlangan Operasi Memberi pengukuhan pemahaman dan perbincangan semasa berkaitan hal-hal semasa pelaksanaan OE 2020.	7 Julai 2020	144
10.	Forum OE 2020 Mendedahkan rahsia kejayaan pemenang-pemenang OE 2018 dan OE 2019 untuk dijadikan panduan dan dorongan kepada seluruh PTJ UiTM.	27 Oktober 2020	100
11.	Latihan Pelaksanaan Audit Korporat, ISO 9001:2015 secara dalam talian bersama Auditor Korporat UiTM.	11 November 2020	40
12.	Taklimat Persediaan Audit Dalam Korporat UiTM 2020 bersama Wakil PTJ Korporat	17 November 2020	42
13.	Taklimat Persediaan Audit Dalam Korporat UiTM 2020 bersama Auditor Korporat UiTM	24 November 2020	36

PELAKSANAAN KURSUS MENGIKUT KEPERLUAN FAKULTI/ KAMPUS

Perlaksanaan kursus sepanjang tahun 2020 adalah seperti yang disenaraikan.

1. Kursus Integrated Quality Management System (iQMS) di UiTM Cawangan Terengganu pada 10 hingga 11 Mac 2020
2. Kursus Integrated Quality Management System (iQMS) UiTM Cawangan Kedah pada 3 Jun 2020 pada 8 Jun 2020
3. Taklimat e-Document for Teaching and Learning Filing & Auditing pada 11 Ogos 2020
4. Bengkel Penyediaan SRR UiTM Cawangan Kedah pada 17 Ogos 2020
5. Taklimat Kecemerlangan Operasi UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 17 Ogos 2020
6. Taklimat e-Document for Teaching and Learning Filing & Auditing UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 13 Ogos 2020
7. Latihan Audit Dalam ISO 9001:2015 Fakulti Pengurusan dan Perniagaan pada 2 September 2020
8. Kursus Awareness to ISO 9001:2015, Bahagian Hal Ehwal Islam diadakan pada 8 September 2020
9. Taklimat Penulisan SRR Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada 11 September 2020
10. Kursus Audit Dalam iQMS Fakulti Sains Gunaan pada 21 – 23 September 2020
11. Kursus Audit Dalam iQMS di UiTM Cawangan Perak pada 22 – 24 September 2020
12. Kursus Audit Dalam iQMS di UiTM Cawangan Kelantan pada 28 – 29 September 2020
13. Kursus Audit Dalam iQMS Fakulti Perakaunan pada 7 – 9 Oktober 2020
14. Bengkel Prosedur Operasi Fakulti Sains Komputer dan Matematik pada 8 Oktober 2020
15. Kursus Audit Dalam iQMS Fakulti Kejuruteraan Kimia pada 2 - 4 Disember 2020
16. Kursus Audit Dalam iQMS UiTM Cawangan Perlis pada 2 - 4 Disember 2020
17. Kursus Audit Dalam iQMS Fakulti Sains Komputer dan Matematik pada 21 – 23 Disember 2020

PENILAIAN LUAR iQMS

Senarai aktiviti penilaian luar iQMS adalah seperti yang disenaraikan:

1. UiTM Cawangan Perlis pada 23 – 24 September 2020.
2. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) pada 23 – 24 September 2020.
3. UiTM Cawangan Terengganu pada 29 – 30 September 2020.
4. Fakulti Senibina Perancangan dan Ukur pada 29 – 30 September 2020.
5. Fakulti Perubatan pada 7 – 9 Oktober 2020
6. UiTM Cawangan Kelantan pada 6 – 8 Oktober 2020
7. Fakulti Pergigian pada 13 – 15 Oktober 2020

8. UiTM Cawangan Sarawak pada 13 – 15 Oktober 2020
9. Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada 20 – 22 Oktober 2020
10. UiTM Cawangan Sabah pada 20 – 22 Oktober 2020
11. Fakulti Kejuruteraan Kimia pada 03 – 05 November 2020
12. Fakulti Kejuruteraan Mekanikal pada 17 – 19 November 2020
13. Fakulti Pengurusan dan Perniagaan pada 24 – 26 November 2020
14. Fakulti Kejuruteraan Awam pada 1 - 3 Disember 2020
15. UiTM Cawangan Negeri Sembilan pada 8 -10 Disember 2020

UNIT INOVASI DAN PENILAIAN KECEMERLANGAN

Unit ini berperanan dalam menguruskan pembudayaan inovasi dan kreativiti di UiTM menerusi aktiviti-aktiviti KIK berasaskan Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.1. Seiring dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016, "Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif" yang telah dijadikan asas rujukan utama bagi memantapkan pembudayaan inovasi dan kreativiti di UiTM menerusi aktiviti-aktiviti KIK. Garis panduan Pelaksanaan ini memberi tumpuan kepada penciptaan nilai, penambahan nilai, pengurangan kos, perkhidmatan yang memenuhi aspirasi dan harapan rakyat serta berimpak tinggi seperti mana yang diharapkan oleh Kerajaan Malaysia.

AKTIVITI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

Sebanyak sepuluh pengumuman aktiviti/webinar berkaitan Pemantapan Pelaksanaan KIK UiTM 3.1 telah dianjurkan. Jadual 6 menunjukkan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020.

Jadual 6: Aktiviti Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sepanjang tahun 2020

No.	Deskripsi Program/Aktiviti	Tarikh	NPS
1.	Tajuk Aktiviti: Ceramah KIK Horizon Baharu Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam   Tempat: Dewan Al-Ghazali, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam Deskripsi program: Program ini dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam dan merupakan taklimat berkenaan KIK Horizon Baharu kepada staf Pejabat Pendaftar. Taklimat disampaikan oleh Ts. Dr. Nor Hanisah Hashim, Ketua Inovasi dan Kreativiti dan Ts. Dr. Norhafezah Kasmuri, Koordinator Inovasi dan Kreativiti. Bilangan penyertaan: 50	31 Jan 2020	

2.	Tajuk Aktiviti: Bengkel Pengenalan KIK  Tempat: Bilik Seminar, Kolej Mawar, UiTM Shah Alam Deskripsi program: Bengkel Pengenalan KIK Horizon Baharu diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi pemahaman para peserta tentang KIK Horizon Baharu UiTM Versi 3.0 yang telah digunapakai bermula dari tahun 2018. Peserta adalah terdiri daripada Fasilitator KIK, Penyelaras KIK dan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti UiTM. Penceramah bagi bengkel ini ialah: • Encik Darus Kassim, Pakar Rujuk KIK (Jabatan Komunikasi, UiTM Shah Alam) • Tuan Hj. Azizi Jantan, Pakar Rujuk KIK (Perpustakaan Tuan Abdul Razak, UiTM Shah Alam) Bilangan penyertaan: 62	10 – 11 Februari 2020	49
----	---	--------------------------	----

3.	Tajuk Aktiviti: Bengkel Inovasi <i>Design Thinking</i> & <i>Blue Ocean Strategy</i> (BOS)  Tempat: Dewan Seminar Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam Deskripsi program: Bengkel Inovasi <i>Design Thinking</i> (DT) & <i>Blue Ocean Strategy</i> (BOS) bertujuan memberi pemahaman kepada peserta berkenaan DT & BOS serta membantu dalam penyediaan dokumen KIK yang lebih berkualiti menggunakan teknik DT & BOS bagi tujuan pertandingan konvensyen KIK di peringkat UiTM mahu pun di peringkat Universiti Awam. Penceramah bagi bengkel ini ialah Encik Mohd Ehsan Amin, Ketua Perunding, UNO Q Consult Enterprise. Bilangan penyertaan: 30	2 – 4 Mac 2020	56
----	---	----------------	----

4.	Tajuk Aktiviti: Bengkel Fasilitator & Penyelaras KIK  Tempat: Dewan Seminar Melati Perak, Kolej Melati, UiTM Shah Alam Deskripsi program: Bengkel Fasilitator dan Penyelaras KIK diadakan bagi memantapkan lagi pemahaman Fasilitator KIK dan Penyelaras KIK tentang fungsi tugas masing-masing dalam membimbing Kumpulan Inovatif Kreatif untuk penyertaan KIK Horizon Baharu UiTM. Bengkel ini juga diharapkan dapat membantu para Fasilitator KIK dan Penyelaras KIK berkenaan tugas mereka dalam menyokong Kumpulan Inovatif dan Kreatif dalam penyediaan dokumen KIK yang lebih berkualiti bagi tujuan pertandingan konvensyen KIK di peringkat UiTM mahu pun di peringkat Universiti Awam. Penceramah bagi bengkel ini ialah: • Encik Shamsol Shafie, Pakar Rujuk KIK (UiTM Cawangan Melaka) • Ts. Suhaihisam Mohd Saufi, Pakar Rujuk KIK (Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur) Bilangan penyertaan: 18	16 – 17 Mac 2020	90
----	--	------------------	----

5.	Tajuk Aktiviti (Bengkel Atas Talian): Teknik Pengembangan Projek KIK  Platform: Secara atas talian (Webex) Deskripsi program: Bengkel Teknik Pengembangan Projek KIK dikhaskan untuk Fasilitator, Ketua Kumpulan dan ahli kumpulan KIK UiTM. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan teknik pengembangan projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif berdasarkan Horizon Baharu UiTM bagi menyertai pertandingan konvensyen KIK di peringkat UiTM dan juga di peringkat Universiti Awam. Penceramah bagi bengkel ini ialah Encik Mohd Risham Jaafar, Pakar Rujuk KIK, UiTM Cawangan Pahang. Bilangan penyertaan: 34	14 April 2020	90
----	--	---------------	----

6.	Tajuk Aktiviti: Siri E-Seminar KIK 01: Harta Intelek dan Hak Cipta “Ke arah Pengkomersilan Produk KIK”  Platform: Secara atas talian (Google Meet) Deskripsi program: e-Seminar KIK 01: Harta Intelek dan Hak Cipta 'Ke Arah Pengkomersialan Produk KIK' diadakan untuk meningkatkan lagi pemahaman para peserta tentang perlindungan harta Intelek untuk inovasi KIK berdasarkan daripada beberapa kriteria utama inovasi KIK iaitu Paten, Hak Cipta, Reka Bentuk Perindustrian, Cap Dagangan, Petunjuk Geografi dan sebagainya. Seminar ini juga bertujuan menggalakkan para peserta KIK dalam mendaftar dan mendapatkan khidmat nasihat daripada Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) dan Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC) sebelum suatu aktiviti pengkomersilan dijalankan. Penceramah bagi bengkel ini ialah: • Puan Mariatini Othman, Senior Vice President (MTDC) • Encik Mohamed Ikhwan Shadzul Bakri, Pengarah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bilangan Penyertaan: 391	20 Mei 2020	49
----	---	-------------	----

7.	Tajuk Aktiviti: Siri E-Seminar KIK 02: Cabaran Pendokumentasian KIK dalam Era Pasca COVID-19  Platform: Secara dalam talian (Google Meet) Deskripsi program: e-Seminar KIK 02: Cabaran Pendokumentasian KIK dalam Era Pasca COVID-19 diharapkan dapat membantu para Fasilitator, Ketua Kumpulan dan ahli KIK dan mendapat lebih banyak maklumat berkenaan berkenaan penyediaan dokumen KIK yang lebih berkualiti bagi tujuan menyertai pertandingan konvensyen KIK di peringkat UiTM, peringkat Universiti Awam mahu pun konvensyen anjuran organisasi luar. Penceramah bagi bengkel ini ialah Ustaz Husaini Ab Razab, Timbalan Ketua Pakar Rujuk KIK, UiTM Cawangan Kelantan. Bilangan penyertaan: 196	09 Jun 2020	54
----	--	-------------	----

8.	Tajuk Aktiviti: Siri E-Seminar KIK 03: Cabaran Pembentangan Projek KIK dalam Era Pasca COVID-19  Platform: Secara dalam talian (Google Meet) Deskripsi program: e-Seminar KIK 03: Cabaran Pembentangan KIK dalam Era Pasca Covid-19 dihaskan untuk Fasilitator, Ketua Kumpulan UiTM dan ahli kumpulan untuk memberi pendedahan berkenaan peranan Fasilitator, Ketua Kumpulan KIK dan ahli kumpulan di dalam proses serta tatacara pembentangan projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif bagi menyertai pertandingan konvensyen KIK di peringkat UiTM, peringkat Universiti Awam mahu pun konvensyen anjuran organisasi luar. Penceramah bagi bengkel ini ialah: • Encik Rasdi Deraman, Ketua Pakar Rujuk KIK (UiTM Cawangan Pulau Pinang) • Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd, Pakar Rujuk KIK (UiTM Cawangan Perak) Bilangan penyertaan: 336	16 Jun 2020	46
----	---	-------------	----

9.	Tajuk Aktiviti: Pertandingan Idea Unggul @ UiTM2020  Platform: Secara dalam talian (WEBEX) Deskripsi program: Pertandingan IDEA UNGGUL @ UiTM 2020 ini merupakan alternatif kelangsungan pembudayaan dan pemerkasaan inovasi di kalangan warga UiTM bagi tahun 2020 bagi menggantikan Konvensyen KIK yang tidak dapat dijalankan lantaran COVID-19. Pertandingan ini merangkumi tiga bidang inovasi iaitu Pengurusan, Sosial atau Pengajaran dan Pembelajaran serta dua kategori inovasi iaitu Penambahbaikan atau penciptaan. Pihak InQKA telah menerima sebanyak 60 penyertaan kumpulan yang terdiri daripada Kampus, Fakulti dan Jabatan. Setiap kumpulan diminta mendaftar penyertaan melalui Sistem Pengurusan KIK (SPKIK) seterusnya memuatnaik poster dan video inovasi kumpulan melalui pautan dokumen tersebut. Penilaian pusingan awal telah dinilai oleh enam orang panel dalaman yang terdiri daripada Pakar Rujuk KIK di mana tiga orang bagi setiap bidang untuk memilih kumpulan yang layak bagi penilaian akhir. Pakar Rujuk yang terlibat adalah:	6 Julai – 18 Dis- ember 2020	
----	--	---------------------------------	--

	1. Pengurusan • Dr. Syed Yusaine Yahya, Fakulti Sains Gunaan • Encik Suria Hj. Kamis, Ibu Pejabat Polis Bantuan • Ustaz Husaini Ab. Razab, UiTM Cawangan Kelantan 2. Pengajaran dan Pembelajaran serta Sosial • Encik Mohd Risham Jaafar, UiTM Cawangan Pahang • Encik Rasdi Deraman, UiTM Cawangan Pulau Pinang • Puan Norme Hj. Saleh, UiTM Cawangan Johor Hasil penilaian awal tersebut sebanyak 30 kumpulan telah layak menyertai penilaian akhir. Penilaian akhir telah diadakan menggunakan platform WEBEX. Penilaian ini melibatkan tayangan video kumpulan selama 10 minit yang diuruskan oleh Urusetia, pembentangan ringkas selama 3 minit dan sesi soal jawab selama 7 minit. Penilaian akhir diakhiri dengan Mesyuarat bersama semua panel bagi memilih pemenang bagi setiap anugerah yang disenaraikan. Panel bagi penilaian akhir ini terdiri daripada: • Encik Ramlee Musa Penolong Kanan Pengarah Kastam II merangkap Ketua Juri Jabatan Kastam Diraja Malaysia • Tuan Haji Mohd Hussaini Morid Principal Consultant QMR Consultant • YBhg. Prof. Dr. Norzaidi Mohd Daud Pengarah Penerbit UiTM, UiTM Shah Alam • Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd Pakar Rujuk KIK, UiTM Cawangan Perak • Encik Darus Kassim Pakar Rujuk KIK, Jabatan Komunikasi, UiTM Shah Alam • Encik Shamsol Shafie Pakar Rujuk KIK, UiTM Cawangan Melaka Kemuncak bagi Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020 ialah Majlis Penyampaian Anugerah yang diadakan melalui platform Zoom, Youtube serta secara fizikal di Aras 7, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Emeritus Professor Datuk Ir. Dr Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor UiTM dan turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Selain itu, majlis ini juga disertai Dekan, Rektor, Ketua Jabatan, Penyelaras KIK, Ketua Unit Kualiti dan semua peserta pertandingan.		
--	--	--	--

10.	Tajuk Aktiviti: Klinik IDEA UNGGUL@UiTM 2020 Platform: WEBEX Deskripsi program: Klinik IDEA UNGGUL@UiTM 2020 diadakan bertujuan untuk memberi maklumat berkenaan Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020 dan sesi perkongsian ilmu Pakar Rujuk KIK bersama-sama peserta. Program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk sesi soal jawab tentang Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM 2020. i. Klinik Idea Unggul @ UiTM2020 Bil:01/2020 Tarikh: 5 Oktober 2020 Penceramah: • Encik Rasdi Deraman, Ketua Pakar Rujuk KIK • Encik Mohd Risyam Jaafar, Pakar Rujuk KIK Bilangan penyertaan: 38 2. Klinik Idea Unggul @ UiTM2020 Bil:02/2020 Tarikh: 6 Oktober 2020 Penceramah: • Ustaz Husaini Abd Razab, Ketua Timbalan Pakar Rujuk KIK • Tuan Hj. Ir, Anuar Hashim, Pakar Rujuk KIK • Encik Suhaimie Sidek, Pakar Rujuk KIK Bilangan penyertaan: 16 3. Klinik Idea Unggul @ UiTM2020 Bil:03/2020 Tarikh:7 Oktober 2020 Penceramah: • Encik Darus Kassim, Pakar Rujuk KIK • Puan Norme Hj. Salleh, Pakar Rujuk KIK Bilangan penyertaan: 20 4. Klinik Idea Unggul @ UiTM2020 Bil:04/2020 Tarikh: 12 Oktober 2020 Penceramah: • Encik Darus Kassim, Pakar Rujuk KIK Bilangan penyertaan: 10 5. Klinik Idea Unggul @ UiTM2020 Bil:05/2020 Tarikh: 13 Oktober 2020 Penceramah: • Encik Safari Mohd Nordin, Pakar Rujuk KIK • Puan Sairah Saien, Pakar Rujuk KIK Bilangan penyertaan: 20		
-----	---	--	--

	5. Klinik Idea Unggul @ UiTM2020 Bil:06/2020 Tarikh: 14 Oktober 2020 Penceramah: • Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd, Pakar Rujuk KIK Bilangan penyertaan: 15		
--	--	--	--

Tahun 2020 menyaksikan KIK UiTM menyumbangkan pencapaian yang amat membanggakan walaupun terdapat kekangan pandemik COVID-19. Larangan perhimpunan besar seperti penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dianjurkan saban tahun oleh UiTM di peringkat zon dan peringkat UiTM malah proses penghasilan projek KIK juga terjejas. Maka sehubungan dengan itu Pertandingan IDEA UNGGUL @ UiTM 2020 telah dicadangkan iaitu merupakan alternatif kelangsungan pembudayaan dan pemerkasaan inovasi di kalangan warga UiTM bagi tahun 2020. Peserta digalakkan untuk menggunakan media elektronik dalam proses menghasilkan inovasi sebagai saluran utama berkomunikasi. Dengan itu semua pihak yang terlibat secara tidak langsung dapat meningkatkan kompetensinya dalam memanfaatkan teknologi ICT. Demikian juga, pembentangan inovasi telah berlangsung secara atas talian untuk tujuan penilaian.

Dalam memantapkan pelaksanaan KIK UiTM 3.1, InQKA juga telah melantik sebelas orang Pakar Rujuk KIK yang baru melalui saringan temubual yang di pengurusan oleh Penolong Naib Canselor (PNC). Pakar Rujuk KIK yang dilantik berperanan untuk memberi khidmat nasihat, bimbingan dan rundingan kepada Fasilitator serta Ketua dan ahli KIK mengikut Zon. Ini menjadikan jumlah keseluruhan Pakar Rujuk KIK bagi seluruh sistem UiTM adalah seramai 27 orang yang menjadi perantara dalam menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga universiti.

JURNAL INOVASI MALAYSIA (JURIM)

Tahun 2020 menyaksikan penerbitan baharu InQKA iaitu Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM). JURIM adalah sebuah jurnal inovasi yang komited terhadap percambahan ide kreatif dan inovatif melalui projek-projek yang telah dipertandingkan di Konvensyen KIK ataupun mana-mana pertandingan inovasi sama ada dalam mahupun luar negara. Jurnal ini menerbitkan hasil inovasi bagi bidang sosial, inovasi pengurusan serta inovasi pengajaran dan pembelajaran. Jurnal ini diterbitkan sebanyak dua kali setahun. Pada tahun 2020 Edisi 03, Isu 02 untuk Mei 2020 telah diterbitkan manakala Edisi 04, Isu 01 untuk November 2020 adalah dalam proses suntingan.

Sebanyak dua penganjuran aktiviti berkaitan Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM) telah dianjurkan. Jadual 7 menunjukkan penganjuran aktiviti berkaitan JURIM bagi tahun 2020.

Jadual 7: Aktiviti JURIM bagi tahun 2020.

No.	Deskripsi Program/ Aktiviti	Tarikh	NPS
1.	Tajuk Aktiviti: Sesi Latihan JOMS bersama Pn. Erny Arniza Ahmad, FSKM   Tempat: Makmal Komputer, Perpustakaan Undang-Undang, UiTM Shah Alam Deskripsi program: Journal Online Management System (JOMS) merupakan sistem yang dibangunkan oleh Puan Erny Arniza Ahmad, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Matematik bagi pengurusan Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM). Sesi latihan JOMS telah diberi kepada semua staf Unit Inovasi dan Kreativiti, Encik Mohd Izwan Said, Puan Siti Nor Juhirniza Mior Mohd Tahir dan Puan Azmah Zubir untuk menerangkan fungsi-fungsi yang ada di dalam sistem tersebut seterusnya dapat memudahkan dan mempercepatkan proses semakan dan penerbitan manuskrip. Sesi latihan berakhir dengan penyerahan Manual Penggunaan JOMS daripada Puan Erny Arniza Ahmad kepada Dr. Nor Hanisah Mohd Hashim, Ketua Inovasi dan Kreativiti. Bilangan penyertaan: 7	14 Februari 2020	

2.	Tajuk Aktiviti: Bengkel Penulisan Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)  Tempat: Dewan Serbaguna, Office of International Affairs (OIA),UiTM Shah Alam Deskripsi program: Bengkel Penulisan Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM) diadakan bagi memberi bimbingan secara terus kepada penulis-penulis artikel untuk menghasilkan artikel yang menepati syarat-syarat penerbitan JURIM. Bengkel ini juga dapat mewujudkan interaksi dua hala antara penulis dan pewasit seterusnya menghasilkan satu artikel yang berkualiti tinggi bagi penerbitan JURIM. Penceramah bagi bengkel ini ialah: • Profesor Dr. Azni Zain Ahmed, InQKA • Ts. Dr. Norhafezah Kasmuri, Koordinator Inovasi dan Kreativiti, InQKA • Encik Mohd Nasir Harun, Pegawai Penerbitan, Penerbit UiTM • Puan Aizan Ainulsarah Alwi, Pegawai Penerbitan Kanan, Penerbit UiTM Bilangan penyertaan: 30	17 - 18 Februari 2020	47
----	---	-----------------------	----

KIK PERINGKAT IPTA

Konvensyen KIK Peringkat Universiti Awam kali ke-16 2020 yang dijadualkan pada 10 – 13 Ogos 2020 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ditangguhkan kerana pandemik COVID -19.

PERTANDINGAN IDEA UNGGUL@UiTM 2020

Universiti Teknologi MARA (UiTM) sentiasa menggalakkan pemesatan aktiviti. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di seluruh sistem UiTM. Setiap tahun, dua peringkat konvensyen KIK akan diadakan untuk

memberi peluang serta pengiktirafan kepada warga UiTM seluruh Malaysia dalam usaha sama penghasilan inovasi kreatif dalam bidang kerja masing-masing. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020 adalah suatu tahun yang amat mencabar, bukan sahaja kepada UiTM, malahan negara dan juga seluruh dunia. Pandemik COVID-19 yang melanda ternyata telah memberi impak yang cukup besar dalam segenap kehidupan manusia. Malaysia sendiri umpamanya telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 dalam usaha untuk memutuskan rantai jangkitan pandemik ini. Ternyata PKP telah menyebabkan aktiviti seharian perlu dilakukan dalam kebiasaan baru. Keadaan ini menyebabkan Konvensyen KIK yang lazim diadakan secara fizikal di peringkat zon dan UiTM tidak dapat diadakan. Walau bagaimanapun, menyedari bahawa inovasi dan kreativiti adalah sesuatu yang tidak "mati" dan sentiasa wujud serta berkembang, maka pihak InQKA telah menyahut cabaran dengan mencadangkan kepada pihak pengurusan tertinggi Universiti untuk menganjurkan Pertandingan IDEA UNGGUL@UiTM yang dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian, khusus bagi mematuhi kebiasaan baru yang disarankan oleh pihak Kerajaan. Sesungguhnya, pertandingan ini yang mendapat sokongan padu dari Naib Canselor dan seluruh pengurusan tertinggi Universiti dan para warga adalah suatu wadah bagi menyuburkan lagi perkembangan inovasi dan kreativiti, terutama dalam mencari jalan dan kaedah menyelesaikan masalah kerja seharian, terutama dalam mendepani pandemik COVID-19. Seiring dengan keadaan semasa dan penekanan UiTM dalam penglibatan di dalam isu pandemik COVID-19, maka tema 'Kebiasaan Baharu, Jaminan Kelestarian UiTM' telah diangkat bagi menjayakan pertandingan ini.

Pertandingan ini adalah terbuka kepada seluruh warga UiTM. Sebanyak 60 kumpulan telah menyertai pertandingan ini meliputi 17 kumpulan bagi bidang Pengajaran dan Pembelajaran, 33 kumpulan bidang Pengurusan dan 10 kumpulan bidang Sosial. Setelah melalui proses penilaian pusingan awal, sebanyak 30 kumpulan telah terpilih ke peringkat pusingan akhir iaitu 11 (Pengajaran dan Pembelajaran), 11 (Pengurusan) dan 8 (Sosial).

Majlis Penyampaian Anugerah telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA dan disertai oleh Rektor, Dekan, Ketua Jabatan, Ketua Unit Kualiti, Penyelaras KIK dan 60 kumpulan IK terdiri daripada peserta daripada seluruh sistem UiTM secara dalam talian melalui platform Zoom dan juga secara fizikal di Aras 7, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam. Senarai Penarafan Idea Unggul @ UiTM 2020 adalah seperti di Jadual 8 dan Keputusan IDEA UNGGUL@UiTM 2020 adalah seperti di Jadual 9:

BIL	KUMPULAN	PUSAT TANGGUNGJAWAB	KATEGORI INOVASI	PENARAFAN	PRODUK INOVASI
1.	YOUNG BLAZE	Fakulti Sains Komputer dan Matematik	Pengurusan (Penciptaan)	Emas	KitaFSKM: Aplikasi mudah-alih untuk penyebaran maklumat secara pantas di kalangan pelajar bagi mengekang penularan pandemik COVID-19
2.	AUXI TEAM	UiTM Cawangan Perak	Pengurusan (Penciptaan)	Emas	AUXI TASK
3.	PETABYTE	UiTM Cawangan Pulau Pinang	Pengurusan (Penambahbaikan)	Emas	Kesukaran untuk merekod kehadiran staf yg bekerja dari rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19
4.	UiTMCM-STC	UiTM Cawangan Melaka	Pengurusan (Penciptaan)	Emas	i-CAMPUS
5.	MIM UiTM PAHANG	UiTM Cawangan Pahang	Pengurusan (Penambahbaikan)	Emas	Student Application Letter in Cloud (STALIC)
6.	I-CLIQUE	Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam	Pengurusan (Penambahbaikan)	Emas	Kesukaran pengguna mencapai maklumat di perpustakaan

7.	NORTH PEARL '20	UiTM Cawangan Pulau Pinang	Sosial (Penciptaan)	Emas	Kekurangan penutup muka (<i>face shield</i>) untuk petugas di barisan hadapan bagi membantu mangsa COVID-19
8.	INNO SQUAD	UiTM Cawangan Sarawak	Sosial (Penambahbaikan)	Emas	<i>Contactless Portable Shield (C.P.S)</i>
9.	TWO S	UiTM Cawangan Perlis	Sosial (Penciptaan)	Emas	I-HEASE
10.	SURIA	UiTM Cawangan Kedah	Sosial (Penciptaan)	Emas	MYMEDICAL CHECKUP (MYMCU)
11.	XEOMETRIA	UiTM Cawangan Johor	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Emas	GEOMETRY PROOFS (GEOMATH-PRO)
12.	R'VOLUTION	UiTM Cawangan Perak	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Emas	Smart Teaching And Learning: I-TUL
13.	OHIM	UiTM Cawangan Perak	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Emas	Inovasi pemurnian sistem pemarkahan pembelajaran studio
14.	MULTI PERFECT	UiTM Cawangan Perak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Perak	Sistem Permohonan Plan (E-PLAN)
15.	JUST US	Fakulti Sains Komputer Dan Matematik	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	Elektronik jejak bakat dan aktiviti pelajar (E-JEBAT)
16.	AQ-RATE	UiTM Cawangan Kelantan	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	Kecekapan pengurusan kos

17.	PA2U	UiTM Cawangan Kedah	Pengurusan (Penambahbaikan)	Perak	E-SSD (Electronic Student Status Directory)
18.	JUUPENT	UiTM Cawangan Johor	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	Rak Pengasingan Surat (RPS)
19.	THE OBSIDIAN	UiTM Cawangan Perlis	Pengurusan (Penambahbaikan)	Perak	Nomadic Culture Framework In Higher Education Institutions (Nomad in HEI)
20.	EPSILON	Fakulti Sains Gunaan	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	I-COURSE4U
21.	AGILE-G	Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	Sistem E-Mesyuarat UiTM
22.	ADMIN_NATION	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	<i>Foldable, Portable And Systematic Brochure Display</i>
23.	BESTARI	UiTM Cawangan Johor	Pengurusan (Penciptaan)	Perak	Sistem E-Inventori Bilik Kuliah
24.	COMPAC	UiTM Cawangan Pulau Pinang	Sosial (Penciptaan)	Perak	Kalkulator Harga Kerja
25.	ALIF	UiTM Cawangan Selangor	Sosial (Penciptaan)	Perak	<i>Digital Exhibition Gallery</i>
26.	CIVTEX	UiTM Cawangan Pahang	Sosial (Penciptaan)	Perak	<i>Safe-Ride</i>
27.	CAKNA	UiTM Cawangan Johor	Sosial (Penciptaan)	Perak	<i>Side Hustle - Platform Digital Untuk Penyedia Perkhidmatan On-Demand</i>
28.	ONE HEART	UiTM Cawangan Perlis	Sosial (Penciptaan)	Perak	Sistem Pengurusan Aktiviti Kolej

29.	PAPIT	UiTM Cawangan Perlis	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	COVID-19 Tracker
30.	IM-VATIVE	UiTM Cawangan Kelantan	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Perak	Proses Pengurusan Ketidakhadiran Pelajar Lambat
31.	CIVGU MURNI	UiTM Cawangan Johor	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Perak	Protokol Penilaian Bertulis Atas Talian (Protokol PeBAT20)
32.	VORTEX	UiTM Cawangan Perak	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	Meningkatkan Ketepatan Penilaian Insurans Bangunan
33.	PRO6IX	UiTM Cawangan Kelantan	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	ODL Smart Accounting
34.	THE VIRTUE	Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi, Uitm Cawangan Negeri Sembilan	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	Kit Integriti Akademik
35.	I-DIMENSI	UiTM Cawangan Kelantan	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Perak	Proses menghafal Surah Yassin di Kalangan Pelajar
36.	COV_MAD	UiTM Cawangan Negeri Sembilan	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	Kesukaran Pelajar Mendapatkan Maklumat Secara Seragam Ketika Pembelajaran Jarak Jauh (ODL) Secara Atas Talian Ketika Wabak COVID-19

37.	MUAMALAT APPS TEAM	UiTM Cawangan Sarawak	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	Muamalat Apps
38.	AD VIBE SYSTEM	Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	Pengadaptasian 'Hybrid Learning And Assesment' Sebagai Alternatif Dalam Pengendalian Silibus Seni Lukis & Seni Reka Pelajar Di Semester Akhir
39.	D'BETING	UiTM Cawangan Negeri Sembilan	Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan)	Perak	Halal Slaughtering Apps
40.	LINGOAL	UiTM Cawangan Johor	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Gangsa	Procoex: Pengurusan Log Penyeliaan Pelajar Semester Akhir LG120
41.	IDEAMAKER	UiTM Cawangan Sarawak	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Gangsa	Research-Teaching Integration
42.	IDEALIST	UiTM Cawangan Pahang	Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan)	Gangsa	E-Attendance
43.	IREX	UiTM Cawangan Negeri Sembilan	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	E-Manual For Researcher (E-MaReS)
44.	CORONORMS	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	Suriram (Sistem Penyiraman Aplikasi Pintar)
45.	FKA KS2	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	Myfeedback

46.	GLADIOLUS	UiTM Cawangan Johor	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	QADD - <i>Quality Activity Data Dashboard</i>
47.	VISION OF US SARAWAK	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	Menambahbaik dan mempercepatkan proses pengeluaran sijil aktiviti-aktiviti bukan akademik yang dianjurkan oleh UiTMCS
48.	AL-FARABI	UiTM Cawangan Perlis	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	ETSR
49.	FPP KS1	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	PcRegister
50.	TEGUH	UiTM Cawangan Selangor	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	E-Merit (Sistem Penilaian Aktiviti Pelajar Secara Atas Talian)
51.	THE MAVERICK	Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	Manual Pengendalian Peperiksaan/ Penilaian Akhir FSPP
52.	TRANSCENDENCE	UiTM Cawangan Perlis	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	SMART-RES
53.	HEP-I	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	HEP I-SAS (<i>I - Students Activity System Initiative</i>)

54.	KM 7.5	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	Mewujudkan sistem <i>clearance</i> pelajar yang tamat pengajian selaras dengan amalan norma baharu
55.	NOVAK	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	<i>Training 4U</i>
56.	THE GREAS	Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	Memudahkan pengurusan peperiksaan memasuki perkhidmatan uitm
57.	M4S	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	ASSIST App
58.	G.A.P	UiTM Cawangan Sarawak	Pengurusan (Penciptaan)	Gangsa	<i>Electronic Final Examination Registration System (E-FERS) 1.0</i>
59.	INFINITY	UiTM Cawangan Kedah	Pengurusan (Penambahbaikan)	Gangsa	Sistem <i>Ez-Clearance</i>
60.	AKAL	UiTM Cawangan Perlis	Sosial (Penciptaan)	Gangsa	Alat Sukatan Penilaian Buah Kelapa (CEMT)

Jadual 9: Keputusan Idea Unggul @ UiTM 2020

BIL	ANUGERAH	PEMENANG
1.	Anugerah Terbaik Keseluruhan (<i>Diamond Award</i>)	YOUNG BLAZE Fakulti Sains Komputer dan Matematik
2.	Anugerah Terbaik Inovasi Sosial (Penciptaan): Johan	NORTH PEARL '20 UiTM Cawangan Pulau Pinang
3.	Anugerah Terbaik Inovasi Sosial (Penciptaan): Naib Johan	TWO S UiTM Cawangan Perlis
4.	Anugerah Terbaik Inovasi Sosial: (Penciptaan): Tempat Ketiga	SURIA UiTM Cawangan Kedah
5.	Anugerah Terbaik Inovasi Sosial: (Penambahbaikan): Johan	INNO SQUAD UiTM Cawangan Sarawak
6.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengurusan (Penciptaan): Johan	YOUNG BLAZE Fakulti Sains Komputer dan Matematik
7.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengurusan (Penciptaan): Naib Johan	AUXI TEAM UiTM Cawangan Perak
8.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengurusan (Penciptaan): Tempat Ketiga	UITMCM-STC UiTM Cawangan Melaka
9.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengurusan (Penambahbaikan): Johan	PETABYTE UiTM Cawangan Pulau Pinang
10.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengurusan (Penambahbaikan): Naib Johan	MIM UiTM PAHANG UiTM Cawangan Pahang
11.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengurusan (Penambahbaikan): Tempat Ketiga	I-CLIQUE Perpustakaan Tun Abdul Razak
12.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan): Johan	XEOMETRIA UiTM CAWANGAN JOHOR

13.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan): Naib Johan	R'VOLUTION UiTM Cawangan Perak
14.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (Penciptaan): Tempat Ketiga	PAPIT UiTM Cawangan Perlis
15.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan): Johan	OHIM UiTM Cawangan Perak
16.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan): Naib Johan	IM-VATIVE UiTM Cawangan Kelantan
17.	Anugerah Terbaik Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (Penambahbaikan): Tempat Ketiga	CIVGU MURNI UiTM Cawangan Johor
18.	Anugerah Hadiah Kreatif	YOUNG BLAZE Fakulti Sains Komputer Dan Matematik
		PETABYTE UiTM Cawangan Pulau Pinang
		R'VOLUTION UiTM Cawangan Perak
		PAPIT UiTM Cawangan Perlis
		INNO SQUAD UiTM Cawangan Sarawak
		CIVGU MURNI UiTM Cawangan Johor
		AUXI TEAM UiTM Cawangan Perak
		PRO6IX UiTM Cawangan Kelantan
		EPSILON Fakulti Sains Gunaan
		AKAL UiTM Cawangan Perlis

PENCAPAIAN KIK

Tahun 2020 menyaksikan KIK UiTM menyumbangkan pencapaian yang amat membanggakan walaupun terdapat kekangan pandemik COVID-19. Kejayaan yang diperolehi melibatkan kumpulan IK yang telah diiktiraf di dalam dan luar negara. Pencapaian tersebut adalah seperti yang tersenarai di Jadual 10:

Jadual 10: Pencapaian KIK UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa

KUMPULAN/STAF	PENCAPAIAN
ERA (Perpustakaan Tun Abdul Razak ,UiTM Shah Alam)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.
Force (Pusat Kesihatan, UiTM Shah Alam)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.
I-Clique (Perpustakaan Tun Abdul Razak , UiTM Shah Alam)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.
IM-VATIVE (Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.

TRIGONA FPAVENGERS (Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.
U KeKWA Synergy (U KeKWa & Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.
Avicenna (Fakulti Perubatan, UiTM Kampus Sungai Buloh)	Anugerah Penarafan Emas 5 Bintang & 20 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Negeri, Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2020, 17 – 20 November 2019 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) secara maya.

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) UiTM merupakan anugerah yang mengiktiraf Pusat Yang Bertanggungjawab yang berjaya mengamalkan pembudayaan kualiti kerja di UiTM. AKNC adalah sebuah model kecemerlangan berdasarkan model *Malcolm Baldrige Award (Education)* yang menjadi rujukan dan diguna pakai oleh UiTM.

Model kecemerlangan ini menitik beratkan aspek kepimpinan, perancangan strategik, tumpuan pelanggan, keutamaan pengukuran dan analisis, pengurusan sumber manusia dan pengoperasian proses disamping meletakkan fokus utama kepada produk atau perkhidmatan yang dihasilkan oleh PTJ yang terlibat.

PEMBANGUNAN SISTEM i-AKNC

UiTM telah melihat satu lembaran baharu dalam pertandingan Anugerah Kualiti Naib Canselor. InQKA dengan kerjasama para perunding i-AKNC yang dilantik daripada pensyarah pelbagai bidang dengan usahasama Pejabat Infostruktur menghasilkan satu usaha yang dapat membantu PTJ seluruh UiTM dalam pertandingan ini. Perbincangan pembangunan sistem telah bermula dari awal Januari 2020. Apabila Mac 2020, Malaysia telah diserang pandemik COVID-19, projek yang dimulakan tidak terhenti begitu sahaja, sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, kumpulan Perunding i-AKNC gigih menyiapkan buku i-AKNC dan seterusnya menyediakan platform i-AKNC. Modul pertama yang berjaya disiapkan adalah modul penulisan. Walaupun kekangan pergerakan, ianya tidak menjadi halangan. *Platform Google Meet* menjadi medan perjumpaan dan perbincangan demi perbincangan dalam mengejar tarikh yang telah ditetapkan.


Biarpun Majlis Eksekutif Universiti telah memberi persetujuan Hari Kemuncak Bulan Inovasi tahun 2020 yang melibatkan Pertandingan Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM ditangguhkan, ianya telah memberi ruang kepada kumpulan perunding i-AKNC untuk terus menyempurnakan sistem yang telah dibangunkan untuk modul Penilaian dan modul Penganugerahan.



Rajah 12: Mesyuarat i-AKNC bil 1/2020 pada 9 Januari 2020



Rajah 13: Bengkel AKNC 2.0 pada 21 -22 Februari 2020



Rajah 14: Mesyuarat dalam talian bersama perunding i-AKNC pada 17 April 2020

MAJLIS PELANCARAN BUKU DAN SISTEM i-AKNC

Pada 7 September 2020, UiTM telah melihat sejarah kepada pembaharuan Anugerah Kualiti Naib Canselor UiTM. Majlis Pelancaran buku dan sistem i-AKNC telah diadakan dengan penuh gemilang dengan mengikut SOP norma baharu penganjuran Majlis. Program telah dimulakan dengan pembukaan Ucapan Aluan daripada Penolong Naib Canselor InQKA, Prof Dr Hajah Roziah Mohd Janor dan disusuli ucapan pelancaran daripada Naib Canselor UiTM, Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr Mohd Azraai Kassim. Sebaik sahaja tamat ucapan pelancaran, pelancaran sistem dan buku i-AKNC telah dilakukan dengan paparan montaj dan juga penyerahan buku kepada Naib Canselor UiTM. Majlis tersebut telah memperkenalkan semua Perunding yang bertanggungjawab membangunkan sistem dan juga menghasilkan buku i-AKNC tersebut. Di dalam majlis pelancaran yang sama itu, InQKA juga telah membuat sumbangan kepada Tabung Wakaf Bangunan Arshad Ayub UiTM. Cek sumbangan sebanyak RM15,000.00 telah diserahkan kepada Naib Canselor UiTM dengan disaksikan oleh Dekan AAGBS.

Objektif penganjuran program ini ialah untuk merasmikan sistem yang telah dibangunkan untuk

kegunaan PTJ seluruh sistem UiTM. Manakala buku pula adalah sebagai garis panduan mengenai penggunaan sistem i-AKNC yang telah disediakan. Pembangunan sistem i-AKNC ini juga diambil kira sebagai satu langkah memastikan perbelanjaan kejut dimana penyediaan pelaporan secara manual tidak lagi akan digunakan.



Rajah 15: Naib Canselor melancarkan buku dan sistem i-AKNC



Rajah 16: Naib Canselor UiTM bersama PNC InQKA dan Perunding i-AKNC



Rajah 17: Penyerahan sumbangan kepada Tabung Wakaf Bangunan AAGBS

TAKLIMAT PENULISAN LAPORAN AKNC UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

InQKA selaku pemilik proses Anugerah Kualiti Naib Canselor sentiasa terbuka untuk menerima kehadiran atau jemputan dari PTJ UiTM untuk mendapatkan khidmat nasihat dalam dalam aspek penulisan laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor. Prof Dr Hjz Roziah Janor selaku Penolong Naib Canselor, InQKA sentiasa menerima pelawaan untuk memberikan khidmat nasihat berkaitan dengan AKNC. Pada 15 September 2020, jemputan ke UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diterima hati terbuka. Kehadiran YBhg Prof Dr Roziah Mohd Janor Bersama seorang Perunding i-AKNC dan juga secretariat AKNC telah disambut oleh Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang, YBhg Prof Dr Salmiah Kasolang serta jentera penulis laporan AKNC.

Jemputan adalah untuk mereka mendengar sendiri daripada Penolong Naib Canselor, InQKA berkaitan dengan penghasilan penulisan laporan AKNC. Selain daripada itu, mereka juga cuba mendapatkan idea-idea bernas dalam pengumpulan maklumat dan bukti dalam penulisan. Disamping itu, pengenalan kepada sistem i-AKNC juga telah dilakukan untuk mereka melihat sendiri bagaimana sistem itu berfungsi.



Rajah 18: Ucapan Selamat Datang dari Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang

UNIT KOMUNIKASI DAN PENGEMBANGAN ILMU

Unit ini berperanan dalam menguruskan maklumat di laman web serta media sosial InQKA, melaksanakan operasi penyuntingan serta penerbitan buku terbitan InQKA, menganjurkan dan menerbitkan media digital serta mempromosikan acara aktiviti di InQKA. Selain itu, pemantauan terhadap kandungan mengenai InQKA di alam maya juga turut dilakukan bagi memastikan penyebaran maklumat yang tepat dan benar kepada pelanggan.

i. Penganjuran Program

Sebanyak 4 penganjuran webinar (program atas talian) telah dianjurkan iaitu:

No.	Deskripsi Program/ Aktiviti	Tarikh	NPS
1.	Tajuk Webinar: Web Discussion: Future of Higher Learning in Malaysia: Post COVID-19 and Beyond  Platform: Google Meet / Facebook Live Deskripsi program: Webinar ini merupakan usahasama bersama Malaysian Higher Education Institutions Quality Assurance Network (MyQAN).	27 April 2020	44

	Perbincangan web bertujuan untuk memanfaatkan beberapa kemungkinan pandangan mengenai masa depan pengajian tinggi, terutama di Malaysia, sebagai akibat daripada gangguan besar yang belum pernah terjadi sebelumnya akibat wabak ini. Perbincangan terbahagi kepada dua sesi iaitu kaedah menangani cabaran dan strategi mengatasi kesukaran. Moderator program ialah Prof. Dr Roziah Mohd Janor (Penolong Naib Canselor InQKA/ Presiden MyQAN) dan para panel ialah: • Professor Ts Dr. Hj Mohamad Kamal Hj Harun, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) • Professor Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka • Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Profesor Negara (MPN) Bilangan penyertaan: 421		
2.	Tajuk Webinar: Mendepani Cabaran COVID-19 dalam Mengimbangi Kecemerlangan Universiti dan Kualiti Hidup Pensyarah  Platform: Google Meet / Facebook Live Deskripsi program: Webinar ini merupakan usahasama bersama Persatuan Kakitangan	21 Mei 2020	48

	Akademik UiTM (UTIMAS). Program Diskusi Web bertujuan untuk membincangkan mengenai analisa situasi semasa mengenai kualiti kehidupan pensyarah dan situasi strategi masa terdekat terhadap kecemerlangan universiti. Moderator program ialah Prof Madya Abd Rahim Awang, Presiden Persatuan Kakitangan Akademik UiTM (UTiMAS) dan para panel ialah: - Datuk Ir. Hj. Wan Nazri Hj. Wan Aria, Jurutera Struktur Menara Jam Al-Bait, Makkah - Prof. Datuk Dr. Mohd Idrus Mohd Masirin, Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) - Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan Haji Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) - Prof. Dr Roziah Mohd Janor, Penolong Naib Canselor InQKA/ Presiden MyQAN Bilangan penyertaan: 556		
3.	Tajuk Webinar: <i>Web Discussion : Delivering Quality Education Despite COVID-19 Challenges: Lessons from Top Three Hospitality & Tourism Management Institution in Malaysia</i>  Platform: Google Meet / Facebook Live Deskripsi program: Webinar ini merupakan usahasama bersama Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan dan Tourism Educators Association of Malaysia (TEAM). Objektif penganjuran program ini ialah untuk membincangkan cabaran menjalankan aktiviti akademik sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan strategi institusi mereka menghadapi "Norma Baharu" COVID-19.	18 Jun 2020	58

	Perbincangan itu bukan sahaja menangani akibat pendidikan segera dari krisis yang belum pernah terjadi sebelumnya ini tetapi untuk membangun daya tahan sistem pendidikan jangka panjang dan meminimumkan gangguan pembelajaran. Moderator program ialah Prof. Dr Roziah Mohd Janor (Penolong Naib Canselor InQKA/ Presiden MyQAN) dan para panel ialah: • Prof Dr Mohd Salehuddin Mohd Zahari, Dekan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM, • Professor Dr Neethiahnathan M Ari Ragavan, Dekan Eksekutif di Faculty of Social Sciences & Leisure Management, Taylor's University • Encik Azizul Jamaludin, Dekan Kajian Hospitaliti dan Seni Kreatif, Management and Science University (MSU) Bilangan penyertaan: 350		
4.	Tajuk: E-Forum Pengaruh COVID-19: Cabaran Pengurusan Kualiti Universiti  Platform: Zoom Webinar Deskripsi program: Sempena Hari Kualiti Sedunia 2020, InQKA menganjurkan forum bagi mengupas isu-isu semasa berkaitan kualiti. Program e-Forum ini merupakan platform perbincangan secara maya bertujuan untuk memanfaatkan beberapa pandangan daripada pelbagai perspektif termasuk ketua unit kualiti, pensyarah, pelajar dan pentadbir universiti bagi membincangkan mengenai pengamalan terbaik dalam pengurusan kualiti universiti sepanjang pandemik COVID-19. Masa depan universiti sangat bergantung kepada kaedah mengenal pasti cabaran, mengatasi kesukaran dan kesan terhadap masa depan	12 November 2020	60

	universiti. Moderator program ialah Prof. Dr Roziah Mohd Janor (Penolong Naib Canselor InQKA dan panel terdiri daripada : • En. Nor Amiruddin Mokhtaruddin, Timbalan Pendaftar Kanan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak • Puan Sharifah Yuliana Syed Ali Hanafiah, Koordinator Kursus Komunikasi Antarapersonal, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media • Cik Tuan Siti Nursalamah Tuan Azman, Pelajar tahun akhir Fakulti Undang – Undang UiTM Shah Alam • Encik Hadzli Ishak, Ketua Unit Kualiti, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah Bilangan penyertaan: 450		
--	--	--	--

ii. Wawancara di Radio UiTM (UFM)

Hebahan melalui Radio Rasmi UiTM turut membantu InQKA dalam hebahan mengenai operasi InQKA. Terdapat tiga slot wawancara di Radio UiTM iaitu:

